

<b>Headline</b>	<b>Jangan terikut-ikut Propaganda label Malaysia perosak hutan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	22 Dec 2011	<b>Color</b>	Black/white
<b>Section</b>	Dlm Negeri	<b>Circulation</b>	197,952
<b>Page No</b>	25	<b>Readership</b>	833,287
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	123 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 1,603
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 4,808



# 'Jangan terikut-ikut propaganda label Malaysia perosak hutan'

PUTRAJAYA 21 Dis. - Ia kiyat disaran supaya tidak terikut-ikut dan terpedaya dengan propaganda sesetengah negara asing yang cuba menjatuhkan permintaan terhadap produk Malaysia dengan mendakwa negara ini sebagai perosak hutan.

Ketua Pengarah institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, pelabelan negatif tersebut merupakan sejenis perang ekonomi yang bertujuan menjelaskan populariti produk Malaysia seperti minyak sawit.

Menurutnya, negara tertentu terutamanya dari Barat sering menuing jari ke atas Malaysia tanpa menyedari bahawa negara ini mempunyai liputan 56 peratus hutan.

"Kemampuan dam sekitar tetap dijaga walaupun kawasan pertanian dimajukan, banyak negara gagal melakukan apa yang telah dicapai oleh Malaysia.

"Indonesia banyak hutan tetapi nisbahnya kecil jika dilandingkan dengan populasi, Arab Saudi ada minyak tetapi tidak ada hutan, hutan di Amerika Syarikat telah habis, Belanda pula cakap banyak tetapi hutannya tidak banyak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Seminar Kebangsaan Biodiversiti 2011 yang disempurnakan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Abd. Latif berkata, tanaman sawit yang tinggi sebenarnya jauh lebih mesra biodiversiti jika dibandingkan dengan tanaman soya yang renek.

"Mereka kata penanaman sawit akan rosakkan biodiversiti, pada hal sawit itu tanaman yang bak kerana ia benarkan pokok lain untuk hidup bersama. Komponen pokok sawit seperti batangnya juga boleh digunakan untuk pelbagai tujuan lain dan dapat mengelakkan lebih banyak pokok dalam hutan ditumbangkan.

"Tanaman soya itu pula pokok renek yang tidak benarkan tanaman lain hidup di kawasannya. Kiar hidupnya juga pendek dan perlu menggunakan lebih banyak bahan," katanya.